


Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 11/03/2023
Edisi / Muka Surat : Nasional / 5
Tajuk : ANGKASA sasar tubuh 200 Coop Hardware



ABDUL FATTAH (kiri) melihat replika projek perumahan mampu milik Tulip di Denai Alam, Shah Alam, semalam.

Tawar harga bahan binaan lebih murah 15 peratus

Angkasa sasar tubuh 200 Coop Hardware

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan membangunkan 200 outlet koperasi pembekal bahan binaan (Coop Hardware) di bawah satu konsortium menjelang 2025.

Inisiatif itu bertujuan menawarkan bahan asas pembinaan perumahan dengan harga lebih murah sehingga 15 peratus berbanding pasaran sedia ada.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, sasaran itu selaras dengan usaha pihaknya dalam membantu mengurangkan kos bahan binaan sektor hartanah tempatan.

Katanya, sebanyak 20 outlet Coop Hardware berdaftar sudah beroperasi di seluruh negara se-

takat ini.

"Angkasa menjadi platform kepada koperasi itu membeli bahan secara pukal dengan pembekal luar negara sekali gus dapat menjualnya dengan harga murah."

"Kami menyasarkan lebih banyak outlet akan dibangunkan menerusi konsortium khas dalam tempoh dua tahun akan datang," katanya selepas melancarkan Projek Perumahan Mampu Milik Tulip di Denai Alam di sini, semalam.

Projek pembinaan pangsapuri 32 tingkat bagi warga koperasi itu melibatkan usahasama antara Koperasi Perumahan Awam Malaysia Berhad (Kopama) dan Chester Denai Alam Sdn. Bhd.

Terdahulu, memorandum persefahaman (MoU) projek yang bakal disilapkan pada 2025 itu dimeterai antara Pengerusi

Kopama, Datuk Abd. Rahim Hashim dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Chester, Datuk Howard Chew.

Jelas Abdul Fattah, Coop Hardware turut membantu menyediakan rumah atau permiss perniagaan kepada ahli koperasi pada harga lebih mampu milik.

"Selain mewujudkan konsep 'rent to own', ia berkonsepkan pembiayaan Musyarakah Mutanaqisah iaitu perkongsian pemilikan rumah antara ahli dan koperasi sehingga pinjaman diselesaikan sepenuhnya.

"Tempoh pembiayaan itu akan dipanjangkan sehingga generasi kedua berdasarkan keanggotaan koperasi mereka," ujarnya.

Tambah beliau, koperasi itu berupaya mengurangkan kos bahan binaan yang kian meningkat seperti besi, simen dan paku.

Perustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA